



## SIARAN MEDIA

### LARANGAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL WARGA ASING DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Majlis Perbandaran Selayang ingin mengingatkan semula kepada orang ramai bahawa warga asing termasuk berstatus pemastautin tetap adalah tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti penjaja dan peniaga kecil. Undang-undang ini adalah selaras dengan Dasar Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bilangan 1 Tahun 2020 berkenaan keputusan bagi penetapan dasar aktiviti penjaja dan peniaga kecil di Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor.

Selain itu semua pemegang lesen / permit penjaja dan peniaga kecil MPS juga adalah tidak dibenarkan untuk mengambil pembantu / pekerja daripada warganegara asing. MPS akan mengambil tindakan tegas seperti kompaun, sitaan, penutupan dan pembatalan lesen / permit ke atas mana-mana perniagaan atau pemegang lesen / permit yang jelas melanggar peraturan ditetapkan berdasarkan UUK Penjaja (MPS) 2007.

Untuk makluman, sepanjang tahun 2023, MPS menjalankan 43 operasi berkaitan penjaja dan peniaga kecil dengan tindakan melibatkan 660 sitaan pelbagai barang perniagaan. MPS akan terus melakukan pemantauan dan tindakan akan dikenakan kepada pihak yang melanggar undang-undang.

**#TAMAT#**

#### Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Selayang  
**8 Februari 2024**